Headline	TNB komited bekal elektrik ketika banjir		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jan 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	443 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 44,007		

TNB komited bekal elektrik ketika banjir

Raub: Tenaga Nasional Berhad (TNB) komited untuk memberi perkhidmatan terbaik bagi membekalkan elektrik kepada mangsa banjir di Pahang.

Dalam usaha memastikan keselamatan elektrik terjamin dan pusat pemindahan sementara (PPS) tidak terjejas, berikutan penutupan pencawang elektrik, warga kerja TNB sanggup meredah banjir demi tugas.

"Saya terbabit dalam misi menghantar *portable* genset ke pusat pemindahan sementara.

"Dengan keadaan cuaca yang masih hujan, risau juga jika kenderaan yang kita naiki itu melanggar pokok, papan tanda mahupun longkang atau parit," kata Wan Ahmad Zahirudin Moydin, 40 tahun.

Bertugas sebagai Juruteknik, TNB Raub, beliau berkata, aspek keselamatan memang sangat diutamakan dalam misi ini.

"Ada juga beberapa kawasan yang kita perlu menggunakan bot kerana sudah tiada laluan darat yang boleh digunakan.

"*Portable* genset itu juga perlu diturunkan dengan penuh berhati-hati kerana bangunan sekolah sebagai PPS tenggelam hampir keseluruhan aras bawah.

Bagi Juruteknik TNB Raub, Muhamad Razuan Abdul Hamid, 27 tahun yang pertama kali bertugas dalam situasi ketika banjir, pengalaman rakan lain banyak membantunya untuk menjalankan tugas.

"Saya sendiri perlu kuat untuk menyiapkan diri dari segi mental dan fizikal. Semestinya ini adalah pengalaman yang berharga," katanya.

Sejak 5 Januari 2021, TNB sudah menggerakkan warga kerja dari Selangor, Kuala Lumpur, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Pulau Pinang bagi membantu menghadapi situasi banjir di Pahang.

"Pasukan kami bertanggungjawab melakukan pemasangan kabel elektrik di Kampung Temalian Dong, Raub, yang tertimbus dan rosak akibat tanah runtuh.

"Keadaan di situ yang berbukit, selain permukaan tanah yang berpasir dan berlumpur menyebabkan segala pergerakan kami dilakukan dengan berhati-hati.

"Keadaan yang masih hujan ketika itu turut menimbulkan kebimbangan sekiranya berlaku tanah runtuh atau pokok tumbang.

"Syukur, kerja kami selesai tanpa sebarang masalah," katanya.

Saya terbabit dalam misi menghantar portable genset ke pusat pemindahan sementara. Dengan keadaan cuaca yang masih hujan, risau juga jika kenderaan yang kita naiki itu melanggar pokok, papan tanda mahupun longkang atau parit ini.

Wan Ahmad Zahirudin Moydin,
Juruteknik TNB Raub

***Warga kerja TNB** meredah banjir dalam misi menghantar portable genset ke pusat pemindahan sementara di Pahang.* (Foto ihsan TNB)

Powered by: iSENTIA